

**TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN HADIS *DA'IF* DAN *MAWDU'*
DALAM KITAB *NASA'IH AL-'IBAD* OLEH WARGA PESANTREN DI
SUMATERA (INDONESIA)**

*(The Level of Knowledge and Practice of Da'if and Mawdu' Hadits in the Book
Nasa'ih Al-'Ibad by Pesantren's Residents in Sumatera, Indonesia)*

ARWASNYAH KIRIN*
AHMAD SHARIFUDDIN
SITI MARPUAH
WAN AINA MARDHIAH

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti
Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

ABSTRAK

Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* karangan Shaykh Nawawi al-Banteni merupakan kitab klasik mengandungi aspek *Tarhib wa Tarhib*, yang tersebar luas di Asia Tenggara, khususnya Indonesia. Shaykh Nawawi al-Banteni banyak merujuk hadith-hadith Nabi SAW di antaranya adalah hadith *Da'if* dan *Mawdu'*. Kitab ini pula banyak mengandungi hadith *Da'if* dan *Mawdu'* yang menjadi rujukan dan amalan sehari-hari bagi warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek Sumatera Indonesia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengetahuan dan amalan hadith *Da'if* dan *Mawdu'* dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* oleh warga pesantren di Sumatera Indonesia. Kepentingan kajian ini adalah untuk mendedahkan hadith *Da'if* dan *Mawdu'* dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* yang dijadikan amalan oleh warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek di Sumatera (Indonesia). Kajian ini dijalankan di Sumatera (Sumatera Barat dan Sumatera Utara) Indonesia dengan melibatkan seramai 210 orang responden yang terdiri daripada warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Pesantren Tawalib Parabek. Sampel terdiri daripada 10 hadis *da'if* dan *Mawdu'* yang

*Corresponding author: Arwasnyah Kirin, Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia, e-mel: arwasnyah@uthm.edu.my
Diserahkan: 12 Mei 2022
Diterima: 2 November 2022
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2022-1402-04>

terdapat dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan hadis *Da'if* dan *Mawdu'* dalam kalangan warga pesantren di Sumatera (Indonesia). Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan item soal selidik adalah tinggi, iaitu 0.825. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan responden terhadap hadis *Da'if* dan *Mawdu'* yang disebarikan ialah sebanyak 3.35 dan min tahap amalan responden terhadap hadis tersebut ialah sebanyak 3.19. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek di Sumatera Indonesia majoriti mengetahui hadis yang disebarikan dan beramal dengannya.

Kata Kunci: Hadis *Da'if* dan *Mawdu'*; Sumatera Indonesia; *Nasa'ih al-'Ibad*; pengetahuan dan amalan hadis

ABSTRACT

The book of Nasa'ih al-'Ibad by Shaykh Nawawi al-Banteni is a classic book containing aspects of Targhib wa Tarhib which is widespread in Southeast Asia especially Indonesia. Shaykh Nawawi al-Banteni refers to many hadiths of the Prophet SAW among them are da'if and mawdu' hadiths. This book also contains da'if and mawdu' hadiths which are referenced and practiced by the majority of residents in Mustafawiyah Purba Baru's pesantren and Tawalib Parabek's pesantren in Sumatra, Indonesia. Therefore, this study aims to explore the level of knowledge and practice of da'if and mawdu' hadiths in the book Nasa'ih al-'Ibad by the pesantren's residents in Sumatra, Indonesia. The importance of this study is to reveal the da'if and mawdu' hadiths in the book Nasa'ih al-'Ibad which was practiced by the pesantren's residents in Sumatra, Indonesia. This study was conducted in Sumatra (West and North Sumatra), Indonesia by involving 210 respondents consisting of the residents in Mustafawiyah Purba Baru's pesantren and Tawalib's pesantren in Sumatra, Indonesia. The sample consists of 10 familiar da'if and mawdu' hadiths. This study uses a quantitative method in the form of questionnaire. Data were analyzed descriptively to identify the level of knowledge and practice of da'if and mawdu' hadiths among the respondents. The Cronbach's Alpha reliability value for the finding is high, i.e. 0.827. The results of the study found that the level of knowledge of the respondents on the da'if and mawdu' hadiths that was disseminated is 3.35 and the mean level of practice of hadith by the respondents is 3.81. The results of this study show that the majority of the residents in Mustafawiyah Purba Baru's pesantren and Tawalib Parabek's pesantren in Sumatra, Indonesia knows the sampled hadiths and also is practiced to others.

Keywords: *Da'if and Mawdu' Hadiths; Sumatra Indonesia; Nasa'ih al-'Ibad; Practice of Hadith; Knowledge of Hadith*

PENGENALAN

Hadis merupakan sumber hukum kedua setelah al-Qur'an bagi umat Islam di dunia ini (Umar Hasyim t.th). Ianya di dapat daripada baginda Nabi Saw sebagai penjelas bagi hukum-hukum syariat sama ada perkataan, perbuatan mahupun persetujuan (Ajjaj al-Khatib 1989). Dengan adanya hadis perkara yang umum boleh menjadi khusus, yang global boleh menjadi jelas dan sebagainya (Akram Dhiya' al-Umari 1994). Dalam pengkajian hadis ianya tidak terlepas daripada hadis *Maqbul* dan *Mardud* sama ada dari segi *Sanad* mahupun *Matannya*. Hadis *Maqbul* adalah hadis-hadis yang boleh diterima dalam pengambilan hukum dan beramal dengannya sedangkan hadis *Mardud* adalah kebalikannya (Mahmud Tahhan 2007). Subjek hadis merupakan salah satu subjek yang sangat penting dalam pengajaran Islam. Dalam perkembangannya, hadis tersebar melalui perantara periwayatan dari seorang perawi kepada perawi lain sama ada periwayatan dengan lafaznya atau periwayatan dengan maknanya sahaja. Penyebaran hadis merata ke seluruh pelosok dunia, bermula daripada dataran Arab dan Timur Tengah hingga ke bumi Nusantara melalui perantara ulama-ulama Nusantara yang belajar ke Tanah Haram. Keunggulan dan kepakaran para ulama Nusantara dalam bidang keilmuan telah memberikan perubahan yang besar dalam bidang keagamaan dan peradaban intelektual Islam Nusantara. Sumbangan mereka yang paling besar ialah melalui karya-karya penulisan mereka yang memenuhi khazanah ilmu sama ada di Negara Arab mahupun di Negara yang bukan Arab sehingga sampai di Nusantara dan menyuburkan suasana pengajian ilmu di rantau ini. Hasil karya penulisan mereka yang bermutu dan bernilai tinggi sentiasa menjadi bahan rujukan dan panduan dipelbagai sekolah, pengajian tradisional yang dikenali sebagai pondok/pesantren dan universiti-universiti di tanah rantau dari masa ke semasa hingga kini. Salah seorang ulama Nusantara yang ikut menyumbangkan buah fikiran melalui karya yang luar biasa ialah Syaikh Nawawi al-Bantani nama aslinya adalah Muḥammad bin 'Umar bin 'Arabi bin 'Ali. Beliau terkenal dengan nama Muhammad Nawawi al-Shaykh al-Jawi al-Bantani (Yusuf 'Allan Sarkis t.th). Di Indonesia beliau lebih dikenali dengan panggilan K.H Nawawi Putra Banten (Karel, S.A 1984). Shaykh Nawawi dilahirkan pada tahun 1230 H/1813 M di kampung Tanara, Serang, Kecamatan Tirtayasa Kabupaten Banten, Jawa Barat Indonesia (Chaidar 1978) dan wafat ketika berusia 84 tahun, iaitu pada 24 Syawal 1314 H/1897 M di tempat tinggalnya yang terakhir di Shi'ib 'Ali Makkah (Rafi'uddin Ramli t.th). Shaykh Nawawi al-Bantani adalah seorang tokoh ulama terkemuka, yang dipuji oleh Snouck Hurgronje sebagai penduduk setempat yang sangat rendah hati dan seorang sarjana pada masanya, beliau penulis yang produktif dalam pelbagai disiplin ilmu. Bahkan hari ini, banyak bukunya dipelajari di pesantren Indonesia dan wilayah Nusantara lainnya salah satunya ialah

kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* salah satu karya Shaykh Nawawi al-Bantani yang dikategorikan sebagai manuskrip kitab kuning dalam bidang keagamaan Islam. Keistimewaan kitab ini tidak hanya terletak pada kedudukannya sebagai kitab kuning berbahasa Arab, namun ianya juga merupakan syarahan kepada kitab *Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* karya Ibn Hajar al-'Asqalani, selain itu kitab ini diguna pakai sebagai bahan rujukan bagi mendidik masyarakat Islam di Nusantara khususnya Indonesia serta mampu bertahan dalam jangka waktu yang begitu lama. Buktinya semenjak dihasilkan pada hari khamis 21 Safar tahun 1314 H hingga kini, kitab ini masih disyarahkan dan diajar di masjid, surau, pondok pesantren dan halakah yang terdapat di pelosok Indonesia (Muhammad Nawawi Banten T.th). Kitab ini termasuk kategori kitab nasihat dan *Tarhib wa Tarhib* berisikan nasihat-nasihat agama yang bersumber daripada al-Qur'an, hadis-hadis Nabi SAW, atsar para Sahabat dan kata-kata hikmah para hukama terkenal daripada pelbagai kalangan sama ada daripada ahli hadis, fiqh dan tasawuf. Kitab ini mengandungi 341 hadis sama ada *Sahih, Hasan, Da'if, Da'if Jiddan* maupun *Mawdu'*. Daripada 341 hadis, didapati 117 hadis *Da'if* dan 71 hadis *Mawdu'*. Daripada jumlah hadis *Da'if* dan *Mawdu'* tersebut terdapat hadis-hadis yang mengandungi amalan yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat Islam terutama oleh warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek di Sumatera Indonesia. Pengajian hadis-hadis *Da'if* dan *Mawdu'* serta beramal dengannya bukanlah sesuatu yang baru, malahan ianya telah berkembang sejak lama lagi. Apatah lagi dengan kepesatan teknologi yang semakin canggih maka penyebarannya boleh didapati secara mudah, sama ada melalui media masa maupun media elektronik dan ianya memberi kesan yang berbahaya kepada masyarakat terutama bagi mereka yang tidak pakar dalam bidang hadis (Jamaliah binti Jamil 2011). Memandangkan pengamalan masyarakat terhadap hadis *Da'if* dan *Mawdu'* berleluasa dan berimpak tidak baik, lantas kajian ini mengetengahkan satu kajian kes terhadap pengetahuan dan amalan hadis *Da'if* dan *Mawdu'* dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* di kawasan pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek Sumatera Indonesia. Menerusi kajian ini, pihak tertentu dapat mengambil manfaat dan langkah positif agar terhindar daripada pengamalan hadis *Da'if* dan *Mawdu'*. Di samping itu pihak yang terlibat, agar lebih berhati-hati dalam menerima dan mengamalkan hadis-hadis yang tersebar luas, sama ada melalui buku, majalah, internet dan sebagainya.

TINJAUAN LITERATURE

Sepanjang kajian ini dijalankan usaha-usaha untuk mengkaji kitab *Nasa'ih al-'Ibad* ini telah pun pernah dikaji di antaranya ialah disertasi sarjana (Master) oleh Urwatul Wusqa bin Tabrani (2004), yang bertajuk : *Kajian Hadis Kitab Nasa'ih al-'Ibad*. Dalam kajian ini beliau hanya fokus mentakhrij 40 hadis daripada kitab tersebut bermula daripada bab pertama hingga bab keempat. Selain itu terdapat Endang Mukhlis Hidayat (2011), melalui kajian disertasi sarjananya dengan tajuk: *Kajian Takhrij Hadis dalam Kitab*

Nasa'ih al-'Ibad. Beliau juga hanya fokus mentakhrij 40 hadis daripada bab 5. Kajian Skripsi oleh Saepulloh (2006), yang bertajuk: *Takhrij Hadis Kitab Nasa'ih al-'Ibad: Kajian Analisis Sanad dalam Bab al-Suba'iy*. Dalam kajian ini, Saepulloh membuat kajian takhrij yang terkandung dalam bab *al-Suba'iy* (ke tujuh) sahaja. Jurnal yang ditulis oleh seorang pelajar Phd University Kebangsaan Malaysia iaitu Ahmad Levi (2012) dengan tajuk: *Methodology of Writing Hadis in the Works of Muhammad Nawawi al-Bantani*, yang diterbitkan pada tahun 2012. Dalam jurnal tersebut beliau memaparkan metodologi Shaykh Nawawi dalam menulis hadis-hadis yang terdapat dalam karya beliau salah satunya adalah kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Skripsi yang ditulis oleh Siti Ulfah (2008) dengan tajuk : *Analisis Terjemahan I. Solihin Terhadap Nasa'ih al-'Ibad Karya Ibn Hajar al-Asqalani (Study Kasus Model Terjemah Dan Kalimat Efektif)*. Dalam kajian ini beliau meneliti tentang metodologi penerjemahan kitab yang sudah diterjemahkan oleh I.Solihin dan apa motivasi atau faktor pendorong yang membuat I.Solihin menerjemahkan kitab tersebut. Didapati juga skripsi yang ditulis oleh Syaiful Rahmat (2009) yang bertajuk : *Takhrij Hadis Kitab Nasa'ih al-'Ibad Karya Imam Nawawi al-Jawi al-Bantani: kajian analisis sanad dan matan dalam bab ke delapan*. Dalam kajian ini, beliau pun hanya fokus mentakhrij hadis yang terkandung dalam bab ke lapan sahaja. Selain itu artikel jurnal yang ditulis oleh Lili Hidayati (2016) dengan tajuk : *Nashoihul 'Ibad Karya Syeh Nawawi al-Bantani Dan Pendidikan Kekinian*. Dalam jurnal tersebut beliau memaparkan pemikiran pendidikan Shaykh Nawawi dalam kitab *Nashoihul 'Ibad* sehingga dapat menambah wacana konsep pendidikan yang sudah sedia ada. Artikel jurnal yang ditulis oleh Mamat S. Burhanuddin (2020) yang bertajuk : *Kajian Kontemporer Terhadap Karya Nawawi al-Bantani*. Artikel tersebut beliau hanya fokus mengkaji tentang biografi Nawawi al-Bantani dan apa sahaja karya-karya Nawawi al-Bantani yang banyak dikaji oleh para penulis dari zaman berzaman.

HADIS DA'IF, MAWDU' DAN BERAMAL DENGANNYA

Hadis *Da'if* adalah suatu hadis yang tidak terkumpul padanya sifat-sifat hadis *Hasan*, kerana hilang salah satu syarat-syaratnya (Hammam Abd al-Rahim Sa'id 1992). Hadis *Mawdu'* pula adalah kebohongan yang diada-adakan, dibuat-buat, kemudian dinisbahkan kepada Rasulullah SAW dengan sengaja (Subhi al-Salih 1982). Hadis *Da'if* dan *Mawdu'* adalah hadis *Mardud* dan Hadis *Mardud* adalah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat *Qabul* Hadis, kerana kehilangan satu syarat atau lebih (Umar Ibn Hasan al-Falatah 1410). Jika dilihat daripada hukum beramal dengan hadis *Da'if*, terutama dalam perkara ibadah (tidak termasuk perkara akidah) maka dapat disimpulkan daripada pendapat jumhur ulama yang mengemukakan bahawa boleh beramal dengan hadis *Da'if* dengan 3 syarat (Ahmad al-Uthmani al-Tahanawi t.th) di bawah ini :

1. Hadis yang dijadikan amalan bukan merupakan hadis yang sangat *Da'if*. Dengan syarat ini, ertinya hadis yang diriwayatkan oleh *al-Kadhdhabun* (pendusta), *al-Muttaham bil Kadhab* (yang dituduh berdusta) dan perawi yang sangat banyak kesalahannya tidak dapat diterima haditnya.
2. Hadis tersebut berada dalam landasan syarak yang di amalkan. Maksudnya ialah : hadis tersebut bersesuaian maknanya dengan ayat al-Quran dan hadis yang *Sahih*.
3. Beramal dengan hadis tersebut dengan niat memberi perhatian yang lebih agar mendapatkan keutamaan dan kelebihan. Maksudnya ialah : ketika beramal dengan hadis *Da'if* dalam permasalahan ini, bukanlah kerana kita meyakini bahawa hadis tersebut berasal daripada Rasul SAW, namun kerana kita berhati-hati dalam perkara agama, untuk mendapatkan pahala daripada hadis-hadis *Targhib* ataupun tidak mendapatkan dosa daripada hadis-hadis *Tarhib*. Sedangkan beramal dengan hadis *Mawdu'* sudah jelas disepakati oleh para ulama hukumnya tidak dibolehkan secara mutlak.

SAMPEL HADIS *DA'IF* DAN *MAWDU'* DALAM KITAB *NASA'IH AL-'IBAD*

Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* mengandungi 341 hadis yang terdiri daripada *hadis Sahih, Hasan, Da'if, Da'if Jiddan* dan *Mawdu'*. Daripada 341 hadis tersebut terdapat 117 Hadith *Da'if* dan 71 Hadis *Mawdu'*. Daripada jumlah hadis *Da'if* dan *Mawdu'* tersebut telah dipilih beberapa hadis yang mengandungi amalan sebagai sampel untuk ditanyakan kepada responden. Penulis ingin menghuraikan beberapa bentuk sampel hadis *Da'if* dan *Mawdu'* dalam *Nasa'ih al-'Ibad* yang dijadikan sebagai amalan keseharian oleh warga pesantren yang dapat dilihat melalui jadual 1 di bawah :

JADUAL 1 Sampel Hadis *Da'if* dan *Mawdu'* dalam Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* oleh Nawawi al-Banteni

No	Matan Hadis	Maksud	Hukum
1	عن عائشة عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : من قال في كل يوم خمسا وعشرين مرة : اللهم بارك لي في الموت وفيما بعد الموت ثم مات على فراشه أعطاه الله أجر شهيد (رواه الطبراني).	Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang membaca Allahumma Barikli fii Mauti wa Fima Ba'da al-Maut (ya Allah berkatilah saya dalam kematian dan sesudahnya) setiap hari dua puluh lima kali, kemudian dia mati di atas tempat tidurnya maka Allah memberikan kepadanya pahala orang yang mati syahid.	Da'if
2	روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : إذا أقل الرجل الطعم ملأ الله جوفه نورا (رواه الديلمي).	Nabi SAW bersabda : Apabila seseorang mengurangi laparnya maka Allah akan memenuhi nur dalam perutnya.	Mawdu'

bersambung ...

... sambungan

3	قال عليه الصلاة والسلام : الصلاة بالسواك أفضل من سبعين صلاة بغير سواك.	Nabi SAW bersabda : Solat satu kali dengan bersiwak itu lebih utama berbanding dengan tujuh puluh kali solat tanpa menggunakan siwak.	Da'if
4	قال النبي صلى الله عليه وسلم : المؤذن المحتسب كالشهيد المتشطح في دمه اذا مات لم يدود في قبره.	Nabi SAW bersabda : Petugas azan yang kerana Allah adalah seperti orang mati syahid yang berlumuran darah, jika dia meninggal maka tidak akan dimakan ulat di dalam kuburnya.	Da'if
5	روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : الجلوس مع الفقراء من التواضع وهو من أفضل الجهاد (رواه الديلمي).	Nabi SAW bersabda : Duduk dengan orang fakir dengan tawaduk adalah termasuk jihad yang paling utama.	Mawdu'
6	قال صلى الله عليه وسلم : من توضأ على طهر كتب له عشر حسنات.	Nabi SAW bersabda : Sesiapa berwuduk dalam keadaan masih suci maka dicatat untuknya sepuluh kebaikan.	Da'if
7	قال صلى الله عليه وسلم : من قضى لأخيه المسلم حاجة كان له من الأجر كمن حج واعتمر.	Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memenuhi keperluan saudaranya yang muslim, maka baginya pahala seperti orang yang berhaji dan berumrah.	Mawdu'
8	روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : من غدا أو راح وهو في تعليم دينه فهو في الجنة (رواه أبو نعيم).	Nabi SAW bersabda : Sesiapa bangun pagi-pagi mengajarkan ilmu agamanya, maka ia akan masuk syurga.	Mawdu'
9	قال النبي صلى الله عليه وسلم : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كتب الله له بكل مؤمن ومؤمنة حسنة.	Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memohon ampunan bagi orang mukmin dan mukminat, nescaya Allah mencatatkan baginya kebaikan setiap orang mukmin dan mukminat.	Da'if
10	قال النبي صلى الله عليه وسلم : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كل يوم سبعاً وعشرين مرة كان من الذين يستجاب لهم ويرزق بهم أهل الأرض (رواه الطبراني عن أبي الدرداء).	Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memohon ampunan bagi orang-orang mukmin dan mukminat setiap hari sebanyak 27 kali, maka orang tersebut termasuk orang yang dikabulkan doanya dan menjadi penyebab turunnya rezeki kepada penduduk bumi.	Da'if Jiddan

Keterangan

Hadis Pertama : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tabarani dalam *Mu'jam Awsat* (al-Tabarani 1996) dan al-Haythami dalam *Majma' al-Bahrayn* (al-Haythami t.th) daripada Aishah. Hadis ini *Da'if* disebabkan terdapat perawi bernama Hasan bin Kathir yang dikatakan *Majhul* oleh al-Dhahabi (al-Dhahabi 1995). Kemudian Jahdam bin 'Abd Allah dan dia seorang yang *Thiqah* menurut Abi Hatim tetapi hadisnya *Da'if* bahkan ada yang *Munkar* dan terkadang dia meriwayatkan hadis daripada orang yang *Majhul* (Abi Hatim al-Razi 2002). Oleh itu hadis ini disimpulkan sebagai *Da'if*.

Hadis Kedua : Hadis ini diriwayatkan oleh al-Daylami dalam *al-Firdaws bi Ma'thur al-Khitab* (al-Daylami 1986) menerusi Sahabat Abu Hurayrah. Hadis ini adalah *Mawdu'* sebab dalam sanad terdapat perawi yang memiliki celaan dan cacat iaitu Muhamamd bin Ibrahim bin al-'Ala' bin al-Musayyab. Dar al-Qutni mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhab* (Dar al-Qutni 2004), Ibn 'Adi pula mengatakan bahawa majoriti hadis-hadisnya tidak dijaga dan *Da'if* (Ibn Adi 1998). Selain itu terdapat juga perawi bernama Ibrahim bin Mahdi al-'Uballi, al-Dhahabi dan al-Khatib mengatakan bahawa dia *Da'if Hadis* (al-Dhahabi 1995 & al-Khatib 1997). Hadis ini juga dihukum *Mawdu'* oleh al-Albani dalam *Silsilah Ahadith Da'ifah wa Mawdu'ah* (al-Albani 2000).

Hadis Ketiga : Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hakim dalam *Mustadrak* (al-Hakim 1990). dan disebutkan oleh al-Suyuti dalam *al-Dur al-Manthur fi al-Hadith al-Mushtarah* (al-Suyuti T.th). Hadis ini dihukum *Da'if* disebabkan dalam sanad terdapat perawi bernama Ibn Ishaq. Menurut al-Bayhaqi dan Ibn Khuzaymah sepertimana yang dinukilkan oleh al-Ajluni dalam *Kasf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas* bahawa hadis ini tidak didengar langsung oleh Ibn Ishaq daripada al-Zuhri dan dia *mentadliskannya* (al-Ajluni 1988). Selain itu terdapat perawi Mu'awiyah Ibn Yahya al-Sadafi dan dia *diDa'ifkan* oleh ulama Seperti Ali al-Madini, al-Nasa'i dan Ibn Adi (al-Ajluni, 1988 & Ibn Adi 1998).

Hadis Keempat : Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam *Mu'jam al-Kabir* (al-Tabarani T.th) dan *Mu'jam Awsat* (al-Tabarani 1996) melalui 'Abd Allah bin 'Amru bin Ash. hadis ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang diperbincangkan kedudukannya iaitu Ibrahim bin Rustam (al-Haythami 1994). Ibn 'Adi mengatakan bahawa dia *Da'if al-Hadith* (Ibn Adi 1988), Abi Hatim mengatakan bahawa dia *Laisa Bidhaka* (Abi Hatim 2002), selain itu terdapat juga perawi Qays bin al-Rabi yang *diDa'ifkan* oleh Abi Hatim, Ibn Main dan Imam Ahmad (al-Dhahabi 1995). Hadis ini juga *diDa'ifkan* oleh al-Albani dalam *Silsilah Ahadith Da'ifah wa al-Mawdu'ah* (al-Albani 2000).

Hadis Kelima : Hadis ini diriwayatkan oleh al-Daylami dalam *Musnad al-Firdaws* (al-Daylami 1986) melalui Anas bin Malik. Hadis ini dihukum *Mawdu'* disebabkan terdapat perawi yang suka memalsukan hadis iaitu al-Sulami namanya adalah Muhammad bin al-Husayn al-Sufi. Dar al-Qutni mengatakan bahawa dia pemalsu hadis untuk orang-orang Sufi (Dar al-Qutni 2004). Kemudian perawi Muhammad bin 'Ali al-Ashath dan dia seorang yang *Majhul* (penulis tidak menemui nama dan riwayat hidup beliau dalam kitab-kitab *Rijal*). al-Albani juga mengatakan bahawa hadis ini *Mawdu'* dalam *Silsilah Ahadith Da'ifah wa Mawdu'ah* (al-Albani 2000).

Hadis Keenam : Hadis ini diriwayatkan oleh Abi Dawud dalam Sunannya (Abu Dawud 1999), al-Tirmidhi dalam Sunannya (al-Tirmidhi 1999), Ibn Majah dalam Sunannya (Ibn Majah 1998) dan al-Bayhaqi dalam *Sunan al-Kubra* (al-Bayhaqi 1999) semuanya menerusi 'Abd Allah bin 'Umar. Hadis ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi bernama Abu Ghatif al-Hazali. Imam Tirmidhi mengatakan bahawa dia *Majhul* (al-Tirmidhi 1999) dan Imam al-Bukhari pula mengatakan bahawa dia *La Yutbi' Alahi* (al-Bukhari 1986) dan 'Abd al-Rahman bin Ziyad al-Muqri', beliau di *Da'ifkan* oleh Yahya bin Ma'in, al-Nasa'i dan Ibn Adi sepertimana yang dinukilkan oleh imam al-Dhahabi dalam *Mizan al-'Itdal fi Naqd al-Rijal* (al-Dhahabi 1995).

Hadis Ketujuh : Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam *Hilyah* (Abu Nu'aym al-Asfahani 1988), al-Khatib al-Baghdai dalam *Tarikh Baghdad* (Khatib al-Baghdadi 1997) menerusi Anas bin Malik. Hadis ini adalah *Mawdu'* disebabkan sanad hadisnya adalah *Da'if Musalsal* daripada Jemaah kelompok Sufi yang tidak dikenal (*Majhul*) antaranya adalah Nawri, al-Siqti dan al-Kurkhi. Kemudian hadis ini pula *Munqati'* (terputusnya sanad) antara A'mash dan Anas bin Malik kerana tidak *Thabit* pendengaran A'mash daripada Anas bin Malik. al-Munawi mengatakan bahawa hadis ini adalah palsu kerana terdapat tiga ahli Sufi yang tidak aku kenal iaitu Nawri, al-Siqti dan al-Kurkhi (Abd al-Ra'uf al-Munawi 1938). Albani juga mengatakan bahawa hadis ini adalah *Mawdu'* dalam *Silsilah Ahadith Da'ifah wa al-Mawdu'ah* (al-Albani 2000). Wallahu A'lam.

Hadis Kelapan : Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam *al-Hilyah* (Abu Nua'ym al-Asfahani 1988) melalui Abu Sa'id al-Khudri. Hadis ini *Mawdu'* disebabkan terdapat perawi Isma'il bin Yayha al-Taymi dan dia adalah pemalsu hadis dan *Kadhahab*. Salih bin Muhammad Jazarah mengatakan bahawa dia pemalsu hadis, Ibn 'Adi mengatakan bahawa hadis yang diriwayatkannya ini adalah *Batil* dan *Mawdu'* (Ibn Adi 1998), Dar al-Qutni mengatakan bahawa dia adalah *Kadhahab* (Dar al-Qutni 2004), dan al-Dhahabi pula mengatakan bahawa ulama sepakat untuk meninggalkannya (al-Dhahabi 1995). al-Albani juga menghukum hadis ini *Mawdu'* dalam *Silsilah Ahadith Da'ifah wa al-Mawdu'ah* (al-Albani 2000).

Hadis Kesembilan : Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam *Musnad al-Shamiyyin* (al-Tabarani 1989), daripada ‘Ubadah bin Samit. Hadis ini *Da’if* sebab terdapat perawi yang cacat kedudukannya, di antaranya ialah Bakar bin Khunays. Ibn Ma’in, al-Nasa’i dan Abu hatim men*Da’if*kannya sepertimana yang dinukilkan oleh al-Dhahabi dalam *Mizan al-I’tidal fi Naqd al-Rijal* (al-Dhahabi 1995). Perawi yang kedua ‘Utbah bin Humayd, Abu Hatim mengatakan bahawa dia *Salih* sedangkan Ahmad mengatakan bahawa dia *Da’if* dan tidak *Qawwi* (Abu Hatim 2002 & Imam Ahmad 1995). Perawi selanjutnya adalah Isa bin Sinan dan dia adalah seorang yang *Da’if* dan *Layyin* sepertimana yang dikatakan oleh Ahmad, Ibn Ma’in dan Abu Hatim dan dinukilkan oleh al-Dhahabi dalam *Mizan al-I’tidal fi Naqd al-Rijal* (al-Dhahabi 1995). Hadis ini juga di*Da’if*kan oleh al-Suyuti sebagaimana disebutkan oleh al-Munawi dalam *Fayd al-Qadir* (al-Munawi 1938).

Hadis Kesepuluh: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam *Mu’jam al-Kabir* (al-Tabarani T.th) daripada Abu Darda’. Haythami mengatakan bahawa hukum hadis ini adalah *Da’if Jiddan* kerana perawinya bernama Uthman Ibn Abi ‘Atikah di*Da’if*kan oleh jumbuh ulama (al-Haythami 1994). al-Shawkani mengatakan dalam *Tuhfaat al-Zakirinnya* bahawa dia *Da’if Jiddan* dan *Munkar* (al-Shaukani T.th). Hadis ini juga dilemahkan oleh al-Suyuti, sebagaimana disebutkan oleh al-Munawi dalam *Fayd al-Qadirnya* (al-Munawi 1938).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dilakukan di dua pesantren di Sumatera (Sumatera Barat dan Sumatera Utara), Indonesia. Ianya terdiri dari warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Pesantren Tawalib Parabek. Alasan memilih dua pesantren ini ialah kerana pesantren Mustafawiyah Purba Baru didirikan oleh shaykh Musthafa Husein al-Mandili merupakan pesantren tertua dan pesantren ini terkenal di Indonesia khususnya di kabupaten Mandailing Natal Sumatera Utara. Sedangkan di Sumatera Barat pula terdapat pesantren Tawalib Parabek yang didirikan oleh oleh Shaykh Ibrahim Musa Parabek yang terkenal dikalangan masyarakat yang tinggal di Kota Bukit Tinggi. Melalui kedua pondok pesantren ini banyak dilahirkan ulama yang berfahaman NU (Nahdatul Ulama) dan juga Muhammadiyah sama ada berasal daripada penduduk tempatan mahupun daripada orang luar yang datang untuk belajar di pondok tersebut. Instrumen borang soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Item-item soalan dibina dan diadaptasi daripada pengkaji terdahulu dengan menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis *likert* lima mata sebagai skala jawapan responden. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dapatan kajian dihuraikan

dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Data dianalisis untuk mengetahui tahap pengetahuan dan amalan responden terhadap hadis *Da'if* dan *Mawdu'* dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Lima tahap skor min telah ditetapkan untuk mengkategorikan tahap, iaitu 'sangat tinggi', 'tinggi', 'sederhana', 'rendah' dan 'sangat rendah'. Kaedah penentuan tahap skor min ini adalah bersumberkan daripada karya Alias (1997). Jadual 2 di bawah memaparkan tahap skor min bagi dapatan deskriptif statistik

JADUAL 2 Tahap Scor Min Dapatan Deskriptif Statistik

Skor Min	Tahap
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Sumber : Alias Baba, 1997

ANALISIS TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN HADIS *DA'IF* DAN *MAWDU'* DALAM KITAB *NASA'IH AL-'IBAD* OLEH WARGA PESANTREN DI SUMATERA

INDONESIA

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada analisis deskriptif terhadap responden kajian.

Latar Belakang Demografi Responden

Responden dalam kajian ini berjumlah 210 orang responden yang terdiri dari 123 lelaki dan 87 perempuan 87 yang merupakan warga pesantren (pelajar, pendidik dan lainnya). Dari segi kefahaman, penulis membahaginya kepada tiga fahaman, iaitu berfahaman NU (Nahdatul Ulama), Muhammadiyah dan Jamaah Tabligh. Setelah itu, penulis membahagikan kepada tiga suku iaitu Suku Mandailing, Suku Minang dan Suku Jawa. Suku Mandailing banyak tinggal di Sumatera Utara iaitu di Mandailing Natal, ada juga Suku Minang dan Jawa tetapi sedikit sekali. Suku Minang pula banyak tinggal di Sumatera Barat iaitu Bandar Bukit Tinggi dan sekitarnya, terdapat juga suku Mandailing dan Jawa yang datang merantau kemudian akhirnya menjadi penduduk tempatan. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada jadual 3 di bawah ini :

JADUAL 3 Taburan Profil Demografi Responden

Latar Belakang Responden	Maklumat	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	123	58.6%
	Perempuan	87	41.4%
Umur	15-25 tahun	169	80.5%
	26-35 tahun	26	12.4%
	36-45 tahun	6	2.9%
	46 tahun keatas	9	4.3%
Tahap Pendidikan	Sekolah Menengah	136	62.1%
	Diploma	18	8.2%
	Sarjana	55	26.0%
	Pasca Sarjana	1	5%
Status Perkahwinan	Belum Berkahwin	175	83.3%
	Sudah Berkahwin	35	16.7%
Suku	Mandailing	75	35.7%
	Minang	99	47.1%
	Jawa	36	17.1%
Lokasi	Sumatera Utara	107	51.0%
	Sumatera Barat	103	49.0%
Tempat Tinggal	Bandar	82	39.0%
	Kampung	128	61.0%
Status Kerja	Belajar	147	70.0%
	Bekerja	63	30.0%
Kefahaman	Nahdatul Ulama	103	49.0%
	Muhammadiyah	84	40.0%
	Jamaah Tabligh	23	11.0%
Status Individu	Pelajar	110	52.4%
	Mahasiswa	37	17.6%
	Guru (Pensyarah)	45	21.4%
	Lain-lain	18	8.6%

Sumber. Soal Selidik 2016

Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Hadis

Tahap pengetahuan responden terhadap hadis yang disebarkan dapat dilihat melalui jadual di bawah ini. Jadual ini menunjukkan majoriti skor min tinggi untuk tahap pengetahuan responden terhadap 10 hadis yang disebarkan. Secara keseluruhan dapat dirumuskan tahap pengetahuan responden terhadap 10 hadis yang disebarkan ialah 3.35 dan diinterpretasikan sebagai berada pada tahap yang tinggi. Analisis terhadap tahap pengetahuan responden terhadap 10 hadis yang disebarkan dalam jadual 4 dan dapatan kajian menunjukkan majoriti responden berada pada tahap skor min pengetahuan hadis yang tinggi. Hal ini kerana kitab *Nasa'ih al-'Ibad* yang mengandungi hadis Nabi SAW telah dipelajari turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain. Bahkan majoriti para pengajar dan santerinya sudah pun hafal isi kandungan kitab tersebut. Sepertimana yang pernah dikaji oleh Masdar F.Mas'udi dan kawan-kawan, mereka telah menyenaraikan kitab-kitab yang dibaca di 237 pesantren di Jawa dan Madura, dan 18 pesantren di luar Jawa dan Madura. Meskipun tidak disebutkan semua kitab yang dibaca pada setiap pesantren, bahkan banyak di antaranya tidak disebutkan sama sekali kitab yang dibaca dalam pesantren tersebut, namun dikesan bahawa hampir 100 pesantren telah menggunakan kitab *Nasa'ih al-'Ibad* sebagai satu daripada kitab-kitab yang dibaca dan dipelajari (Masdar F.Mas'udi et.al 1986). Oleh itu, suatu hal yang wajar jika responden tahu akan hadis-hadis yang terkandung dalam kitab.

JADUAL 4 Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Hadis

No	Item	STP	TP	N	P	SP	Min	SP	Tahap
1	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 1	18 8.6%	47 22.4%	46 21.9%	75 35.7%	24 11.4%	3.19	1.162	Tinggi
2	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 2	19 9.0%	58 27.6%	26 12.4%	68 32.4%	39 18.6%	3.24	1.287	Tinggi
3	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 3	11 5.2%	33 15.7%	7 3.3%	75 35.7%	84 40.0%	3.90	1.237	Tinggi
4	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 4	28 13.3%	56 26.7%	30 14.3%	61 29.0%	35 16.7%	3.09	1.326	Tinggi
5	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 5	26 12.4%	74 35.2%	32 15.2%	56 26.7%	22 10.5%	2.88	1.235	Sederhana
6	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 6	13 6.2%	39 18.6%	24 11.4%	85 40.5%	49 23.3%	3.56	1.209	Tinggi
7	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 7	13 6.2%	32 15.2%	30 14.3%	84 40.0%	51 24.3%	3.61	1.186	Tinggi
8	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 8	17 8.1%	59 28.1%	39 18.6%	63 30.0%	32 15.2%	3.16	1.223	Tinggi
9	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 9	6 2.9%	35 16.7%	31 14.8%	93 44.3%	45 21.4%	3.65	1.080	Tinggi
10	Saya pernah mendengar (membaca) hadis no 10	13 6.2%	59 28.1%	35 16.7%	67 31.9%	36 17.1%	3.26	1.214	Tinggi
Jumlah							3.35		Tinggi

STP = Sangat Tidak Pernah, TP = Tidak Pernah, N = Neutral, P = Pernah, SP = Sangat Pernah

Sumber : Soal Selidik 2016

Tahap Amalan Responden Terhadap Hadis

Daripada 10 soalan yang diajukan kepada responden berkaitan amalan terhadap 10 hadis yang disebarkan, didapati skor yang paling rendah adalah soalan 1 iaitu 2.73, manakala skor min yang paling tinggi adalah soalan no 3 iaitu 3.76 dan semua item berada pada tahap skor min yang tinggi dengan nilai purata min berada pada tahap yang tinggi dengan min 3.19. Hal ini menunjukkan bahawa warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek di Sumatera majoriti mengamalkan hadis-hadis *Da'if* dan *Mawdu'* yang terkandung dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad*. Perkara ini berlaku disebabkan kitab *Nasa'ih al-'Ibad* merupakan salah satu kitab yang diajarkan di pondok pesantren, masjid, halakah dan surau, secara tidak langsung ianya akan tersebar dengan mudah. Selain itu semangat para guru, pendakwah dalam menyampaikan agama dan hadis Nabi tanpa mengambil berat status hadis yang disampaikan, tanpa meneliti takhrij dan tahqiq ulama terhadapnya yang penting ianya menghiburkan dan menjanjikan pahala yang besar. Sehingga dapat membawa impak yang tidak baik dalam amalan keseharian masyarakat (Jamaliah binti Jamil 2011), dapat merosakkan akidah yang murni, menjatuhkan nilai kewibawaan agama, menjadikan nas-nas Islam saling bercanggah, punca berkembangnya amalan bid'ah dan dapat memalingkan manusia daripada pelbagai sunnah yang sah.

JADUAL 5 Tahap Amalan Responden Terhadap Hadis

No	Item	STP	TP	N	P	SP	Min	SP	Tahap
1	Adakah anda pernah membaca doa Allahumma Barikli fi Mauti wa Fima Ba'da al-Maut (Ya Allah berkatilah saya dalam kematian dan sesudahnya) sebanyak 25 kali setiap hari kerana beramal dengan hadis (1).	19 9.0%	103 49.0%	19 9.0%	54 25.7%	15 7.1%	2.73	1.152	Sederhana
2	Adakah anda pernah mengurangi rasa lapar atau sedikit makan supaya mendapatkan Nur daripada Allah dalam perut kerana beramal dengan hadis (2).	10 4.8%	66 31.4%	36 17.1%	70 33.3%	28 13.3%	3.19	1.158	Tinggi
3	Adakah anda pernah bersiwak sebelum solat kerana lebih afdal dibandingkan solat tanpa siwak sekalipun solat sebanyak 70 kali kerana beramal dengan hadis (3).	11 5.2%	28 13.3%	15 7.1%	103 49.0%	53 25.2%	3.76	1.129	Tinggi
4	Adakah anda pernah azan di masjid atau musolla Karena Allah agar mendapat pahala seperti orang mati syahid kerana beramal dengan hadis (4).	44 21.0%	52 24.8%	28 13.3%	45 21.4%	41 19.5%	2.99	1.445	Sederhana
5	Adakah anda pernah duduk-duduk dengan orang fakir dan miskin dengan tawaduk kerana beramal dengan hadis (5).	18 8.6%	86 41.0%	22 10.5%	70 33.3%	14 6.7%	2.87	1.160	Sederhana
6	Adakah anda pernah berwuduk dalam keadaan suci (anda sudah berwuduk sebelumnya kemudian berwuduk lagi) untuk mendapatkan pahala lebih banyak kerana beramal dengan hadis (6).	8 3.8%	48 22.9%	30 14.3%	84 40.0%	40 19.0%	3.48	1.150	Tinggi
7	Adakah anda pernah memenuhi kebutuhan saudara sesama muslim ingin mendapatkan pahala seperti haji dan umrah kerana beramal dengan hadis (7).	8 3.8%	53 25.2%	25 11.9%	94 44.8%	30 14.3%	3.41	1.125	Tinggi
8	Adakah anda pernah bangun pagi-pagi lalu mengajarkan ilmu agama yang anda miliki agar mendapat pahala masuk syurga kerana beramal dengan hadis (8).	9 4.3%	78 37.1%	25 11.9%	73 34.8%	25 11.9%	3.13	1.165	Tinggi

bersambung ...

... *sambungan*

9	Adakah anda pernah memohon ampunan atas dosa dosa orang beriman lelaki dan beriman perempuan kerana beramal dengan hadis (9).	5	42	34	100	29	3.51	1.036	Tinggi
		2.4%	20.0%	16.2%	47.6%	13.8%			
10	Adakah anda pernah memohon ampunan atas dosa dosa orang mukmin dan mukminat sebanyak 27 kali setiap hari kerana beramal dengan hadis (10).	13	84	41	62	10	2.87	1.059	Sederhana
		6.2%	40.0%	19.5%	29.5%	4.8%			
	Jumlah						3.19		Tinggi

Sumber: Soal Selidik 2016

Tahap Keseluruhan Pengetahuan dan Amalan Hadis *Da'if* dan *Mawdu'* Dalam Kitab *Nasa'ih al-'Ibad* oleh Warga Pesantren di Sumatera Indonesia

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan responden terhadap hadis *Da'if* dan *Mawdu'* dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* pada tahap yang tinggi dengan min 3.35, manakala tahap amalan mereka terhadap hadis juga pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.19. Hal ini menunjukkan bahawa warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek memiliki pengetahuan yang luas terhadap hadis dan juga banyak beramal dengannya.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa Shaykh Nawawi al-Bantani merupakan seorang ulama yang masyhur mempunyai karya-karya amat bermutu dan tinggi nilainya. Di antaranya ialah kitab *Nasa'ih al-'Ibad* yang menjadi sumbangan beliau bagi masyarakat dan kalangan pelajar agama sehingga sentiasa menjadi bahan bacaan dan rujukan hingga ke hari ini. Hadis-hadis *Da'if* dan *Mawdu'* yang terdapat dalam kitab tersebut dijadikan sebagai rujukan dan panduan amalan seharian warga pesantren Mustafawiyah Purba Baru dan Tawalib Parabek di Sumatera Indonesia. Sepertimana telah didapati pada kajian analisis di atas bahawa keseluruhan pengetahuan dan amalan masyarakat terhadap hadis adalah pada tahap yang tinggi. Oleh itu, sebagai seorang peneliti, pendidik dan ilmuwan sewajarnya kita mendedahkan kepada masyarakat kualiti hadis-hadis yang patut dijadikan amalan dan yang tidak agar mereka sentiasa beramal mengikut kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam ilmu hadis. Kajian ini diharapkan agar masyarakat peka dan sedar terhadap hadis-hadis yang tersebar sama ada melalui media masa atau media elektronik serta sentiasa merujuk kepada ulama-ulama yang pakar di bidangnya agar tidak terjerumus dalam pengamalan hadis-hadis *Da'if* dan *Mawdu'*.

RUJUKAN

- Abi Hatim al-Razi, Abd al-Rahman bin Abi Hatim al-Razi. 2002. *Jarh wa Ta'dil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Tahqiq: Mustafa Abd al-Qadir Ata.
- Abi Dawud, Sulayman bin al-Ash'ash. 1999. *Sunan Abi Dawud*. al-Qahirah: Dar al-Hadith. Tahqiq, Abd al-Qadir Abd al-Khayr & Sayyid Muhmmad Sayid.
- Abu Nu'aym al-Asfahani, Ahmad Ibn Abd Allah. 1988. *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1995. *Musnad*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ahmad Levi. 2012. Methodology of Writing Hadith in the Works of Muhammad Nawawi al-Bantani. *Journal of Applied Sciences Research* 8(4): 2187-2192.
- 'Ajjaj al-Khatib. 1989. *Usul al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-'Ajluni, Isma'il Ibn Muhammad. 1988. *Kasf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Albani, Muhammad Nasr al-Din. 2000. *Silsilah Ahadith Da'ifah wa al-Mawdu'ah*. Riyad: Maktabah al-Maarif.
- Akram Dhiya' al-Umari, Dr. 1994. *Buhuth fi Tarikh al-Sunnah al-Musyarrifah*. Madinah: Maktabah al-Ulum wa al-Hikmah.
- al-Bantani, Muhammad Nawawi. t.th. *Nasa'ih al-'Ibad fi Bayan Alfaz Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yaum al-Ma'ad*. Indonesia: Dar Ihta' al-Kutub al-'Arabiyah.
- al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husayn bin Ali al-Bayhaqi. 1999. *Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah, Tahqiq: Mustafa Abd al-Qadir Ata.
- al-Bukhari, Abi Abd Allah Isma'il bin Ibrahim al-Bukhari. 1986. *Tarikh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Chaidar. 1978. *Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi Banten*. Jakarta: CV Sarana Utama.
- Dar al-Qutni, Ali Bin Umar. 2004. *Sunan Dar al-Qutni*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Daylami, Shirawayh Ibn Shahrada Ibn Shirawayh. 1986. *al-Firdaws bi Ma'thur al-Khitab*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Dhahabi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Uthman. 1995. *Mizan al-I'tidal Fi Naqd al-Rijal*. Bayrut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah, Tahqiq: Ali Muhammad al-Mu'awwad.
- Endang Mukhlis Hidayat. 2011. *Kajian Hadith Kitab Nasa'ih al-'Ibad, al-Qur'an Sunnah Fakultas Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Hammam Abd al-Rahim Sa'id. 1992. *al-Tamhid Fi al-Ulum al-Hadith*. Jordan: Dar al-Furqan.

- al-Hakim, Muhammad bin Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi. 1990. *al-Mustadrak 'Ala Sahihayn*. Bayrut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah, Tahqiq: Mustafa Abd al-Qadir Ata.
- al-Haythami, Nur al-Din Abi al-Hasan 'Ali bin Abi Bakar al-Haythami. t.th. *Majma' al-Bahrayn fi Zawa'id al-Mu'jamayn*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il al-Shafi'i.
- al-Haythami, Nur al-Din Ali bin Abi Bakar al-Haythami. 1994. *Majma' Zawa'id Wa Manba' al-Fawai'id*. al-Qahirah: Maktabah al-Qudsi.
- Hidayati, L. 2016. Nashoihul 'Ibad Karya Syekh Nawawi Al-Bantani dan pendidikan kekinian. *Insania: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan* 20 (2): 231-243. <https://doi.org/https://doi.org/10.24090/insania.v20i2.1436>
- Ibn Adi, Abd Allah bin Adi al-Jurjani. 1998. *Al-Kamil fi Dua'fa' al-Rijal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni. 1998. *Sunan Ibn Majah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith, Tahqiq: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi.
- Jamaliah Binti Jamil. 2011. *Pengamalan Hadith Masyhur yang Da'if Berkaitan Ilmu dalam Kalangan Pelajar Jabatan Arab dan Tamadun Islam Fakulti Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Karel, S.A. 1984. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19*. Jakarta : Terjemahan Bulan Bintang.
- al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali al-Khatib al-Baghdadi. 1997. *Tarikh Bagdad*. Bayrut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah, Tahqiq: Mustafa Abd al-Qadir Ata.
- Mahmud Tahhan, Dr. 2007. *Taysir Mustalah al-Hadith*. Terj. Indonesia, Malang : UIN Malang Press.
- Mamat S, Burhanuddin., Muhammad Syamsuddin., Saifuddin Zuhri Qudsy. 2020. Kajian kontemporer terhadap karya Nawawi al-Bantani. *Academic Journal of Islamic Studies* 4 (1). DOI: 10.22515/dinika.v4i1.2061.
- Masdar F.Mas'udi, Muntaha Azhari, HA Aziz, Slamet Efendi Yusuf, Muhammad ikhwan Sam, Arief Mudatsir, Ison Basuni, Hussien Muhammad, Arifin Junaidi. 1986. Direktori Pesantren. Jakarta: P3M.
- al-Munawi, Muhamamd Ibn Abd al-Ra'uf. 1356/ 1938. *Fayd al-Qadir Sharah Jami' al-Saghir*. Misr: Matba'at Mustafa Muhammad.

- Rafi'uddin Ramli, H. t.th. *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banteni*. Banten: Yayasan Nawawi Tanara.
- Saepulloh. 2006. *Takhrij Hadis Kitab Nasa'ih al-'Ibad: Kajian Analisis Sanad dalam Bab al-Suba'iy, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, Jabatan Tafsir Hadith*. Jakarta: Universiti Islam Negri (UIN) Syarif Hidayatullah .
- Sarkis, Yusuf 'Allan. t.th. *Mu'jam al-Matbu'ah al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah*. al-Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- al-Shaukani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shaukani. t.th. *Tuhfah al-Dhakirin*. Bayrut: Maktabah al-Thaqafiyah.
- Siti Ulfah. 2008. *Analisis Terjemahan I. Solihin Terhadap Nasa'ih al-'Ibad Karya Ibn Hajar al-Asqalani (Study Kasus Model Terjemah dan Kalimat Efektif, Fakultas Adab dan Humaniora, Jabatan Tafsir Hadis*. Jakarta: Universiti Islam Negri (UIN) Syarif Hidayatullah .
- Subhi al-Salih. 1982. *Ulum al-Hadith wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar 'Ilm Lilmalayin.
- al-Suyuti, Jalal al-din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakar. t. th. *al-Durar al-Manthur*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Saepulloh. 2006. *Takhrij hadis kitab Nasa'ih al-'Ibad Karya Imam Nawawi al-Jawi al-Bantani: Kajian Analisis Sanad dan Matan dalam Bab ke Delapan, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, Jabatan Tafsir Hadith*. Jakarta: Universiti Islam Negri (UIN) Syarif Hidayatullah.
- al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabarani. 1996. *Mu'jam al-Awsat*. al-Qahirah: Dar al-Hadith, Tahqiq: Ayman Salih al-Sa'ban dan Sayyid Ahmad Isma'il.
- al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulaiman Ibn Ahmad. t.th. *Mu'jam al-Kabir*. t.tp: Dar al-Ma'rifah, Tahqiq : Hamdi Abd al-Majid al-Salafi.
- al-Tabarani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub al-Tabarani. 1989. *Musnad al-Shamiyyin*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, Tahqiq: Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi.
- al-Tahanawi, Ahmad al-Uthmani. t.th. *Qawa'id fi 'Ulum al-Hadith*. Bayrut: Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiyyah, Tahqiq: Abd al-Fattah Abu Ghuddah.
- al-Tirmidhi, Abu Isa Muhammad Ibn Isa Ibn Sawrah. 1999. *Sunan Tirmidhi*. al-Qahirah: Dar al-Hadith, Tahqiq : Doktor Mustafa Muhammad Hussayn al-Dhahabi.

Umar Hasyim, Dr. t.th. *Sunnah al-Nabawiyah wa Ulumuha*. Kairo : Maktabah Gharib.

Umar Ibn Hasan al-Falatah. 1401. *al-Wad'u Fi al-Hadith*. Dimasyk: Maktabah al-Ghazali.

Urwatul Wusqa. 2004. *Kajian Hadith Kitab Nasa'ih al-'Ibad, al-Qur'an Sunnah* *Fakulti Pengajian Islam*. Bangi : UKM.